

Kata kunci:
Ihsan
Cemerlang
Nikmat
Syukur
Kebaikan



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

7 Ogos 2026 / 23 Safar 1448H

Ihsan: Menzahirkan Kesyukuran Melalui Kecemerlangan

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا لِهٰذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا اَنْ هَدَانَا اللّٰهُ. اَشْهَدُ اَنْ
لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِينَ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ. قَالَ تَعَالٰى فِي التَّزْوِيْلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ
حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تُمَوِّنْ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga Allah s.w.t. menjadikan kita hamba-hamba-Nya yang sentiasa berlaku ihsan sepanjang zaman. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Saudara yang dikasihi sekalian,

Khutbah pada hari ini mengundang kita semua untuk merenungkan firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Qasas, ayat ke-77:

وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ^ص

Yang bermaksud: “... dan berbuat **baiklah** (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat **baik** kepadamu...”

Saudara, ayat ini menampilkan satu prinsip utama dalam kehidupan seorang Mukmin, iaitu nilai **ihسان**. Ia memberikan gambaran bahawa setiap **kebaikan** (**ihسان**) yang kita taburkan, seharusnya menjadi pantulan **kesyukuran** kita atas segala **nikmat** yang telah Allah berikan.

Masakan tidak? Setiap hari, kita boleh melangkah keluar mencari rezeki dengan hati yang tenang. Pasangan kita selamat terjaga. Anak-anak ke sekolah dan kembali ke pangkuan keluarga dalam keadaan aman, tanpa kita rasa bimbang tentang keselamatan mereka.

Pintu-pintu masjid pula terbuka luas untuk kita sujud memohon rahmat Tuhan. Ketenangan, keamanan dan keselamatan yang kita rasakan, ketika menuju masjid pada lewat malam atau awal pagi, adalah anugerah yang tidak dikecapi oleh sebahagian insan di tempat lain.

Oleh itu, marilah dengan penuh keinsafan, kita bermuhasabah: Adakah memadai kita menandakan **kesyukuran** dengan sekadar membisikkan “*Alhamdulillah*” di hujung lisan?

Saudaraku sekalian,

Dalam sepotong hadis yang masyhur, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: *"**ihсан** (bererti) engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, dan jika engkau tidak melihat-Nya, (maka ketahuilah) sesungguhnya Dia melihatmu."*

Manakala dalam sepotong hadis riwayat Imam Muslim, Baginda s.a.w. juga bersabda yang bermaksud: *"Sesungguhnya Allah telah mewajibkan **ihсан** atas segala sesuatu..."*

Dalam menjelaskan hadis-hadis ini, para ulama menegaskan bahawa nilai **ihсан** ini seharusnya menimbulkan kesedaran bahawa diri kita sentiasa diawasi oleh Allah. Dan apabila perasaan ini terpahat dalam hati, kita akan sentiasa berusaha **memperbaiki** setiap pekerjaan yang kita lakukan, sekaligus berusaha mencapai **kecemerlangan**.

Ini bermakna, di mana pun seorang Mukmin berada, seperti di masjid, di tempat kerja, di bilik darjah, malah di tempat awam sekalipun, kita dituntut untuk mempamerkan **kecemerlangan**.

Seorang pekerja Mukmin tidak bersungguh-sungguh hanya kerana mengharapkan penghargaan orang atasan. Seorang pelajar Mukmin tidak bersungguh-sungguh hanya ketika menghampiri musim peperiksaan. Namun, seorang Mukmin menggalas setiap amanahnya dengan penuh kesungguhan, kerana dua faktor utama: kesedarannya bahawa Allah sentiasa melihat, dan harapannya agar Allah reda terhadap usahanya.

Hadirin sekalian,

Nilai **ihsan** ini menjadi lebih sempurna apabila ia membawa manfaat kepada orang lain. Lebih-lebih lagi dalam kehidupan masyarakat yang bersifat saling bergantung antara satu sama lain (*interdependent*). Keamanan, kemajuan dan kesejahteraan ini terbina atas usaha dan iltizam setiap daripada kita, dengan izin Allah s.w.t. Inilah manifestasi nilai ihsan.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud: *“Manusia yang paling dicintai oleh Allah, adalah yang paling bermanfaat bagi manusia yang lain.”* (Riwayat At-Tabrani)

Inilah wajah Islam yang sebenar. **Kebaikan** dan **ihsan** kita tidak mengenal batas kenalan, warna kulit mahupun perbezaan keturunan dan budaya. Apabila kita menjadi Mukmin yang prihatin, pekerja yang amanah, dan anggota masyarakat yang menyebarkan **kebaikan**, itulah sumbangan kita. Itulah cara kita berterima kasih kepada Allah s.w.t. yang telah mengurniakan banyak **nikmat** yang kita rasakan hingga ke hari ini.

Sidang Jumaat sekalian,

Dalam menghayati nilai **ihsan**, mimbar ingin mengundang kita melaksanakan dua perkara:

Pertama: Membudayakan ihsan dalam menghadapi cabaran

Sifat **ihsan** seorang Mukmin terus mekar sama ada dalam keadaan senang mahupun susah. Apabila kita melihat saudara

kita diuji, **ihсан** menuntut kita tampil membantu mengatasi masalah mereka dengan huraian dan sokongan.

Malah, apabila timbul isu-isu baharu dalam masyarakat, kita tidak teragak-agak untuk berusaha mencari jalan keluar. Seperti usaha para guru dan asatizah yang mendidik, dan institusi fatwa yang menyelidik dan mengeluarkan panduan hukum demi membimbing masyarakat menghadapi cabaran semasa.

Kedua: Menebarkan khidmat dan kebaikan

Memang benar, keutamaan kita adalah menjaga keperluan diri dan mereka di bawah tanggungan kita. Namun, sekiranya kita dikurniakan kelebihan daripada sudut harta, masa, mahupun kepakaran, maka luaskanlah lingkaran sumbangan kita. Jangan biarkan **kebaikan** itu berhenti pada diri kita sahaja. Kongsikan kelebihan tersebut agar ia menjadi rangkaian **kebaikan** yang berterusan dan membawa manfaat yang berpanjangan.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Bagi menghidupkan nilai **ihسان**, jadilah kita ibarat benih yang **baik** – jika dicampak ke darat menjadi gunung, jika dicampak ke laut menjadi pulau, dengan izin Allah s.w.t.

Sebagaimana peringatan Allah dalam Surah Ar-Rahman, ayat ke-60:

هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَنِ إِلَّا الْإِحْسَنُ ﴿٦٠﴾

Yang bermaksud: "*Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang **baik** (ihsan) melainkan balasan yang **baik** juga?*"

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita keteguhan dan kekuatan untuk sentiasa berbuat **baik**, memberkati setiap usaha dan penat lelah kita, dan memelihara kita semua dalam keadaan aman, rukun dan sejahtera. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْغَرِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.